

27.11.2019

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **LINDUNGI DAN URUS “3 ASET AIR MENTAH NCER”**

- **Seluruh Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sangat bergantung kepada 1 kawasan tadahan air dan 2 sungai.**
- **NCER perlu capai keselamatan air mentah untuk menjadi “wilayah ekonomi kelas dunia menjelang 2025”.**

PULAU PINANG, Rabu, 27.11.2019: Masa depan dan prospek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bergantung kepada “3 Aset Air Mentah NCER” yang mesti dilindungi dan dikendalikan secara mampan.

Aset berkenaan adalah:

1. Sungai Muda: Sungai sepanjang 203km ini merupakan sumber air mentah utama bagi Kedah dan Pulau Pinang. Sejumlah 15 loji rawatan air dan 8 muka sauk pengairan telah dibina untuk mengabstrak air mentah dari Sungai Muda, termasuk Muka Sauk Lahar Tiang PBAPP di Seberang Prai Utara.
2. Ulu Muda: Ulu Muda adalah kawasan tadahan air untuk Sungai Muda. Ia merangkumi 163,103 hektar hutan hujan di Kedah. Hutan hujan ini “menadah” 70% air mentah Perlis, 96% air mentah Kedah dan lebih daripada 80% air mentah Pulau Pinang.
3. Sungai Perak: Sekitar 45% air mentah Perak diabstrak dari Sungai Perak. Bagaimanapun, sungai sepanjang 400km ini masih kurang digunakan sebagai sumber air mentah. Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) adalah cadangan untuk mengoptimalkannya sebagai sumber air mentah bagi Perak dan Pulau Pinang, bermula tahun 2025.

Aset semulajadi ini adalah aset air mentah merentasi sempadan yang berfungsi, dan akan berfungsi untuk 4 negeri yang membentuk NCER: Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Sehingga tahun 2019, terdapat 6.73 juta penduduk dalam NCER. Anggaran sumbangan KDNK NCER pada tahun 2018 berjumlah RM228.61 bilion pada tahun 2018.

Kesejahteraan masa depan seluruh penduduk NCER, dan prospek sosio ekonomi wilayah ini, sangat bergantung kepada Sungai Muda, Ulu Muda dan Sungai Perak.

### **Penyelesaian air mentah kritikal untuk masa depan**

Seperti yang dinyatakan dalam laman web NCER ([www.koridorutara.com.my](http://www.koridorutara.com.my)), “Blueprint 2.0” bertujuan untuk “memanfaatkan kekuatan semua 4 negeri bagi mewujudkan sinergi dan mencadangkan langkah-langkah untuk menangani keperluan pembangunan di rantau ini secara keseluruhan”.

Oleh itu, Sungai Muda, Ulu Muda dan Sungai Perak mesti dimanfaatkan sebagai “3 Aset Air NCER”, demi kepentingan terbaik NCER secara keseluruhannya.

- **Sungai Muda**

Pada tahun 2019, berjuta-juta rakyat Malaysia mengalami impak negatif pencemaran sungai dan kontaminasi di Selangor, Johor dan Melaka, dalam bentuk catuan air dan gangguan bekalan.

Pada Julai 2019, terdapat juga laporan berita mengenai pelupusan sisa elektronik secara haram di kawasan tanah di Kedah, yang terletak di sepanjang tebing Sungai Muda. Syukurlah, ia tidak menjejaskan air sungai.

Insiden sungai 2019 harus berfungsi sebagai “peringatan awal” untuk pihak berkuasa mengetatkan proses pemantauan sungai dan menguatkuasakan undang-undang yang melindungi sungai dari pencemaran, kontaminasi dan pembuangan haram.

Apa yang penting, Ulu Muda, kawasan tadahan air untuk Sungai Muda, mesti dilindungi secara sah dan dipelihara dengan mampan demi masa

depan.

- **Ulu Muda**

Ulu Muda merangkumi 163,103 hektar hutan hujan di Kedah. Pada 4.11.2019, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyatakan di Parlimen bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah mewartakan 106,418 hektar (ha) hutan Ulu Muda sebagai “hutan simpanan tetap” atau HST.

KATS juga menyatakan pada 10.5.2018, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengklasifikasikan 16,299 hektar dari HST (15.3% daripada 106,418 ha) sebagai “hutan tadahan air” dan 11,118 hektar (10.4% daripada 106,418 hektar) sebagai “taman hutan negeri” di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984).

Klasifikasi baki 79,001 ha (74.3% daripada 106,418 ha) Ulu Muda tidak diketahui atau tidak dinyatakan. Harus diingat bahawa Seksyen 10(1)(a) APN 1984 membenarkan klasifikasi “hutan simpanan tetap” sebagai “hutan pengeluaran balak di bawah hasil yang mampan”.

Pada 4.9.2019, KATS secara terbuka mengucapkan terima kasih kepada Kedah kerana mengharamkan pembalakan di Ulu Muda. Walau bagaimanapun, HANYA 9.99% Hutan Ulu Muda telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air (16,299 daripada 163,103 ha).

Kelemahan Ulu Muda untuk pembalakan mencerminkan kelemahan air mentah untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Jika berlaku malapetaka di Ulu Muda, impaknya akan dirasakan dengan serta-merta, di 3 negeri NCER ini.

Memandangkan ini adalah isu serantau, Kerajaan Persekutuan mesti meyakinkan Kedah untuk benar-benar, secara sah dan sepenuhnya melindungi Ulu Muda demi NCER. Lebih-lebih lagi, Kerajaan Persekutuan perlu membayar pampasan kepada Kedah yang menjaga Ulu Muda untuk memastikan pemuliharaannya berkekalan.

- **Sungai Perak**

Skim Penyuluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) telah dicadangkan untuk mengoptimumkan sungai ini sebagai sumber air mentah masa depan untuk Perak dan Pulau Pinang.

Pulau Pinang memerlukan SPRWTS atas sebab yang sangat penting. Jangkaan menunjukkan Sungai Muda dapat memenuhi keperluan air mentah Kedah dan Pulau Pinang hanya sehingga 2025. Oleh itu, Pulau Pinang perlu pastikan SPRWTS ditauliahkan menjelang tahun 2025 bagi mengurangkan risiko krisis air. Begitu juga, Perak memerlukan lebih banyak air dari Sungai Perak untuk kegunaannya pada masa akan datang.

Kelewatan dalam pelaksanaan SPRWTS nampaknya tertumpu pada satu isu: Pulau Pinang mahu membeli air mentah, tetapi Perak mahu menjual air terawat kepada Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan mesti menjadi perantara dan menyelesaikan perkara ini, berdasarkan prinsip NCER untuk “memanfaatkan sinergi serantau”. Selain itu, perlu dimaklumkan bahawa projek penyaluran air Pahang-Selangor dan Johor-Melaka yang sedia ada adalah projek penyaluran air mentah, dan bukannya skim air terawat.

#### NCER dan keselamatan air mentah

Pada tahun 2017, penggunaan keseluruhan air di NCER berjumlah 2,541 juta liter sehari (MLD), atau 23.6% daripada penggunaan air negara. Jumlah air ini mencukupi untuk mengisi 1,016 kolam renang berukuran Olimpik atau 1.69 bilion botol air besar (1,500ml), setiap hari.

Permintaan air di NCER akan meningkat pada masa depan, seiring dengan pertumbuhan penduduk dan ekonomi, memandangkan rantau ini menjangkakan pertumbuhan lebih tinggi berdasarkan 3 kluster ekonomi utama: pertanian & bio-industri, pembuatan dan perkhidmatan.

Di Pulau Pinang sahaja, permintaan air dijangka meningkat dari 840 MLD pada 2018 kepada 1,483 MLD pada 2030, 1,696 MLD pada tahun 2040 dan 1,884 MLD pada tahun 2050. Permintaan air di ketiga-tiga negeri NCER yang lain sudah pasti akan turut meningkat pada masa akan datang.

Kerajaan Persekutuan mempromosikan konsep NCER untuk memupuk pertumbuhan serantau. Pertumbuhan serantau memerlukan keselamatan air mentah serantau. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan perlu mengutamakan keselamatan air mentah NCER untuk membolehkan pertumbuhan NCER.

Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak mesti mempunyai cukup air untuk



mencapai visi NCER menjadi “wilayah ekonomi kelas dunia menjelang 2025”. Oleh itu, “3 Aset Air Mentah NCER” mesti dilindungi dan dikendalikan secara mampan.

---

Kenyataan media ini adalah berdasarkan pembentangan PBAPP oleh Dato’ Ir. Jaseni pada 26.11.2019, pada “Persidangan Tahunan ke-32 MyWAC 2019 dan Simposium Malaysia-Belanda” anjuran Jawatankuasa Tindakan Jurutera Air Malaysia (MyWAC) di Pulau Pinang.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)





26.11.2019 | "MyWAC 32nd Annual Conference 2019 and Malaysia-Netherlands Symposium"  
PBAPP & PBAHB CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa during his presentation  
"Protect and Manage 3 NCER Raw Water Assets".



26.11.2019 | *"MyWAC 32nd Annual Conference 2019 and Malaysia-Netherlands Symposium"*  
PBAPP & PBAHB CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa and Netherlands Deputy Ambassador in  
Malaysia Mr. Christoph Prommersberger at the press conference.